

# myLibrary

SURAT BERITA PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

- Oktober 2006
- Bilangan 01

## MENARIK DI DALAM

muka 3

### rencana

Perpustakaan Sultan Abdul Samad Terus Unggul di usia 75 tahun UPM

muka 4

### wawancara

Menjadikan Perpustakaan sebagai 'Content Provider'



muka 11

### bicara buku

muka 12

### apa kata pengguna

Rosnah puas hati dengan kemudahan dan perkhidmatan PSAS

muka 13

### perkhidmatan & kemudahan

muka 20

### personaliti : Norzaidah



## Kerja Berpasukan dan Muafakat Bawa PSAS ke Mercu Kejayaan

**B**ULAT air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Peribahasa ini dapat menyimpulkan isi kandungan amanat yang telah disampaikan oleh Pemangku Ketua Pustakawan, Amir Hussain Md Ishak (gambar) pada sesi taklimat khas baru-baru ini.

Ucapan dan amanat itu merupakan yang julung kali disampaikan oleh beliau setelah diberi kepercayaan oleh pengurusan universiti untuk menerajui Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) sejak Oktober 2005.

Menurut Encik Amir, kejayaan yang dikecapi oleh PSAS selama ini adalah hasil muafakat dan kerjasama seluruh staf sama ada di peringkat pengurusan atau kumpulan sokongan.

**Beliau yang bangga dengan pencapaian yang dimiliki PSAS menyeru agar usaha dan kerja bersungguh-sungguh patut diteruskan tidak kira siapa yang menjadi pemimpin atau ketua. Baginya, dia tidak boleh bergerak seorang diri dan memerlukan sokongan padu di semua peringkat.**

"Bagaimana nakhoda hendak melayarkan bahtera secara seorang diri tanpa anak-anak kapal yang lain," katanya mengungkapkan perumpamaan yang jelas maksudnya di hadapan seluruh warga PSAS yang hadir pada majlis tersebut.



bersambung ke m/s 19

ISSN 1675-4808



9 771675 480008

## SIDANG PENGARANG

**Penaung:** Prof. Dr. Nik Mustapha  
R. Abdullah

**Penasihat:** Amir Hussain Md. Ishak

**Ketua Pengarang:** Hafizah Hassan

**Pengarang:** Mohd Rusdy Hasan

**Sub-Editor:**

Azana Abd Hadi  
Azian Erdawati  
Azizah Zainal Abidin  
Erni Suraya Abdul Aziz  
Haris Dahlan  
Hawa Abdul Majid  
Khairil Ridzuan Khahirullah  
Nor Hajar Abu Bakar  
Salmah Abdullah  
Samsida Samsudin  
Siti Razimah Mohd Noor  
Taib Osman  
Zuhaini Abdul Samad  
Zulkifli Othman  
Zulkifli Jamil

**Jurufoto:**

Salehudin Ayub

**Pembaca Prof/**

**Pembantu Penerbitan:**

Siti Raziah Ruslay

**Pengedaran/Pemasaran:**

Zaamri Mat Zahari  
Othman Sulaiman

My Library merupakan surat berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM. Tujuan penerbitannya adalah untuk menyampaikan informasi tentang PSAS di samping berita semasa, laporan dan rencana berkaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di perpustakaan utama dan perpustakaan cawangan.

Hantarkan komen dan pendapat anda kepada kami ke arah meningkatkan lagi mutu penerbitan My Library. Surat menyurat dan kiriman artikel sila alamatkan kepada:

**Pengarang My Library,  
Perpustakaan Sultan Abdul Samad,  
Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang,  
Selangor.**

**Tel: 03-89467948  
Faks: 03-89467226  
E-mel: [rusdy@lib.upm.edu.my](mailto:rusdy@lib.upm.edu.my)**

Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah S.W.T, tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Pertama sekali rasa penuh kesyukuran hanya dipanjatkan kepada Allah S.W.T dan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua yang terlibat menjayakan penerbitan sulung surat berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) yang akan dikenali dengan nama *My Library*. Ucapan khusus ditujukan kepada barisan Sidang Pengarang yang banyak memberi sumbangan idea dan artikel.

Dengan terbitnya *My Library* edisi pertama ini maka sudah tentu satu lakaran sejarah telah dicipta untuk Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS). Sejarah tersendiri ini bukanlah untuk dibanggakan tetapi cukup sekadar menterjemahkan kepada umum bahawa warga PSAS bersedia untuk mendepani perubahan. Perubahan ke arah yang lebih baik dan lebih berkualiti. Jauh sekali untuk menandingi mana-mana penerbitan yang telah ada dalam pasaran di UPM.

Kalau diimbau dari sudut latar belakang penerbitan *My Library* ini, ia bukanlah sesuatu yang baru di PSAS. Sebelum ini PSAS telah memiliki *Informan*, selepas itu *Buletin PSAS* yang diterbitkan oleh Kelab PSAS. Namun penerbitannya hanya untuk edaran di kalangan staf PSAS sahaja. Dengan adanya *My Library* ini ia bakal menemui pembaca dengan kekerapan dua bulan sekali dan akan diedarkan kepada warga UPM dengan cetakan yang terhad.

Penerbitan *My Library* bertujuan menyebarkan maklumat mengenai dasar, perancangan dan aktiviti PSAS. Dalam masa yang sama surat berita ini dapat mempromosi PSAS sebagai pusat sumber maklumat dan gedung ilmu yang menawarkan pelbagai kemudahan serta perkhidmatan yang terbaik.

Selain itu, *My Library* juga mampu menjadi wadah untuk mendidik serta membentuk minda khususnya warga PSAS ke arah mencapai misi dan visi PSAS yang selaras dengan misi dan visi universiti. Ia juga dapat menjadi agen dalam meningkatkan lagi pembangunan imej serta citra warga perpustakaan.

Untuk perancangan jangka panjang penerbitan *My Library* ini bakal menjadi wahana ilmiah untuk menerapkan budaya membaca dan mencintai ilmu pengetahuan di kalangan mahasiswa serta warga UPM yang lain.

Akhir sekali, sebagai Pengarang *My Library* apa yang diharapkan ialah sokongan yang tidak berbelah bagi daripada semua pihak untuk menjayakan penerbitan surat berita ini. *My Library* adalah hak kita semua. Sayugia sekiranya pembaca dan warga PSAS dapat menyumbang buah fikiran dan bahan penulisan bagi memantapkan lagi penerbitan ini untuk keluaran akan datang.

'My Library, My Team'

Pengarang

RP  
PSAS  
2006  
1

# Perpustakaan Sultan Abdul Samad TERUS UNGGUL di usia 75 tahun UPM

Oleh: ABU EMDY ZARQOUWY

**TIDAK** sah menjadi mahasiswa atau ahli akademik jika tidak mengunjungi perpustakaan. Kenyataan itu merujuk kepada peri pentingnya institusi yang bergelar perpustakaan khususnya dalam mendepani kelestarian ilmu.



Sudah tentu apabila mengunjungi perpustakaan apa yang tergambar dalam kepala setiap pengunjung ialah deretan buku yang tersusun rapi di rak-rak. Kemudian barisan kerusi dan meja yang setia menunggu pengguna untuk melabuhkan punggung menelaah buku.

Sebenarnya fungsi dan peranan perpustakaan lebih daripada itu. Lebih daripada sekadar tempat mempamerkan buku, tempat peminjaman buku dan tempat membaca buku-buku. Semuanya berkisar buku. Jikalau itulah pemahaman yang terkandung dalam kotak fikiran golongan terpelajar di institusi pengajian tinggi maka ia perlu diubah.

Mulai saat ini cuba kita memahami perpustakaan itu sebagai gedung ilmu dan maklumat. Barulah semangat dan hasrat untuk mengunjungi perpustakaan itu akan datang dalam diri setiap individu sama ada ia bergelar pelajar, pensyarah, pentadbir dan sebagainya.

Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan ini, sumber maklumat bukan sahaja terletak dalam bentuk buku bercetak. Dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), cara

konvensional melalui rujukan buku dianggap ketinggalan.

Dengan kehidupan bercorak 'siapa cepat dia dapat' manusia yang maju lebih bersifat pantas dalam setiap aspek, terutamanya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Kebergantungan manusia kepada buku tidak boleh dijadikan sebagai satu sandaran lagi. Manusia perlu mencari sumber alternatif.

Perpustakaan UPM yang dikenali sebagai Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) menyedari hakikat perubahan ini. Gelombang yang datang dengan pantas menyeru satu bentuk cabaran dan dedikasi di kalangan warga perpustakaan untuk menanganinya.

Sudah tentu kewujudan perpustakaan universiti ini adalah selari dengan lahirnya UPM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi terkemuka di Negara ini. Kalau hari ini kita menyambut Sambutan Jubli Intan 75 Tahun penubuhan UPM, sudah sewajarnya kita juga mampu menyambut 75 tahun kewujudan perpustakaan UPM.

Memang dari segi fakta kita tidak dapat membuktikan sejarah kelahiran perpustakaan UPM sepertimana fakta

juga menunjukkan UPM berasal daripada sebuah Sekolah Pertanian pada 1931.

Pertimbangan akal memungkinkan dengan wujudnya sekolah mesti wujudnya sebuah perpustakaan. Walaupun sekadar sebuah bilik kecil yang menyimpan buku usang yang dibawa penjajah sebagai bahan rujukan.

Hari ini dengan semangat dan cabaran baru dunia pendidikan tinggi Negara, perpustakaan akademik seperti PSAS perlu bersaing serta terkedepan dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik.

Sebab itu antara aspek dalam penilaian dan pencapaian sesebuah universiti penyelidikan ialah elemen perpustakaan perlu dimantapkan. PSAS bukan sahaja perlu memiliki koleksi buku yang banyak malah mempunyai kemudahan untuk penerokaan maklumat melalui penggunaan teknologi terkini.

Pada masa ini, PSAS telah melanggan kira-kira 40 pangkalan data elektronik yang boleh mengakses 25,000 judul jurnal elektronik. Mengikut perangkaan 2005, sebanyak RM 3.9 juta telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Ini merupakan satu bentuk pelaburan yang besar untuk kemudahan pengguna di PSAS.

Dalam menyediakan kemudahan yang semaksimum mungkin kepada pengguna terutama dari segi membudayakan ICT pihak PSAS telah menyediakan kira-kira 110 unit komputer yang dilengkapi kemudahan internet. Kemudahan ini boleh digunakan di Bilik Latihan dan Bilik Rujukan Elektronik.

*bersambung ke m/s 20*



# Menjadikan perpustakaan sebagai 'CONTENT PROVIDER'

## Mukadimah

Pada 27 September 2005, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) menerima peneraju baru iaitu Encik Amir Hussain Md Ishak menggantikan Cik Badilah Saad yang telah bersara wajib. Pelantikan Pemangku Ketua Pustakawan yang baru ini sangat dinantikan oleh seluruh warga PSAS kerana ingin merasakan angin perubahan bernaung di bawah mood seorang pentadbir lelaki setelah dua Ketua Pustakawan sebelum ini adalah wanita.

Amir Hussain bukan sahaja dilihat calon yang paling tepat malah seorang pemimpin yang bekerja kuat dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang kepustakawanan. Beliau mempunyai wawasan yang tersendiri untuk membawa PSAS ke mercu yang lebih gemilang sesuai dengan cabaran semasa UPM untuk menjadi 'Universiti Penyelidikan'.

Wartawan *My Library*, Mohd Rusdy Hasan, Hawa Abdul Majid dan Azizah Zainal Abidin sempat menemu bual peneraju yang ke-4 perpustakaan ini untuk berkongsi wawasan, cita-cita dan cabaran dalam menerajui PSAS.

**My Library:** Rasanya belum terlambat, untuk kami ucapkan tahniah atas pelantikan sebagai Pemangku Ketua Pustakawan. Jadi mula-mula sekali soalan kami ini tentang reaksi pertama En Amir, apabila mendapat tahu dilantik Pemangku Ketua Pustakawan?



**Amir:** Gembira pun ada, tetapi apabila memikirkan tanggungjawab yang berat, sebab perpustakaan ini memberi satu perkhidmatan sokongan pada 'core business' UPM. Perkhidmatan yang kita beri itu akan menjadi tumpuan terutama kepada ahli akademik dan para pelajar. Jadi sungguh berat untuk meneruskan

kesinambungan dan mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan.

Jadi itu satu cabaran kepada saya seperti yang sedia maklum Ketua Pustakawan bukan seperti ketua PTJ sahaja tetapi terlibat juga dalam pihak pengurusan tertinggi universiti. Apabila terlibat dalam pengurusan ini, tanggungjawab lagi berat dan banyak masa diluang untuk pengurusan universiti. Reaksi saya memang satu tanggungjawab yang amat berat untuk di dokong.

**My Library:** Kalau kita lihat sebelum ini PSAS ditadbir oleh dua peneraju wanita, sudah tentu gayanya berbeza apabila mendapat seorang peneraju lelaki. Komen sikit.

**Amir:** Saya ingat, walaupun dia wanita atau lelaki sama sahaja. Setiap orang mempunyai cara tersendiri untuk menguruskan sesebuah organisasi. Baru-baru ini ada pelajar temu bual saya dan bertanya tentang model pengurusan dan perubahan yang diguna pakai. Saya kata, saya tidak menggunakan apa-apa model pengurusan. Sebab apa yang paling penting dan aset kepada sesebuah organisasi ialah sumber manusia. Bagaimana kita berinteraksi dan respon kepada sumber manusia itu sangat mustahak. Jadi tidak timbullah isu bos tu lelaki ke perempuan. Isu yang utama bagaimana seseorang ketua itu menguruskan kakitangan dibawahnya.



**My Library:** Boleh En. Amir berkongsi dengan kami apakah wawasan terhadap PSAS?

**Amir:** Kita nak menambah nilaian perpustakaan ini daripada yang sedia ada, dari yang kita menyediakan perkhidmatan buku untuk pinjaman dan juga bagi pendarahan akses pada *online journal*. Sekarang ini kita jadi macam 'gateway' ataupun orang tengah sahaja, kita tidak terlibat langsung dalam penyebaran atau proses pengumpulan maklumat. Perkara inilah yang sepatutnya dilakukan oleh Pustakawan.

Dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) ini, akses kepada maklumat itu terbuka luas termasuk di kalangan pelajar sekolah kerana mereka sudah didedahkan dengan komputer dan internet. Jadi, kebanyakan mereka sudah faham tentang pencarian maklumat walaupun pencarian mereka itu tidak berapa tepat. Mereka tetap mendapat maklumat seperti yang mereka kehendaki.

Kita kena melihat perpustakaan ini daripada perspektif yang lain yang kita boleh menambah nilai lagi perkhidmatan kita. Macam ni kita jadi pihak ketiga, kita beli buku, kita simpan... kita bagi orang pinjam. Itu sahaja. Kita langgan jurnal elektronik, kita link pada kita punya laman web dan kita berbangga dengan itu. Jadi, itulah kita sedang melihat beberapa pendekatan

yang boleh membuatkan perpustakaan bertindak sebagai 'content provider'.

**My Library:** Untuk menuju ke arah hala tuju yang En. Amir gariskan itu tadi, kita mesti ada langkah seterusnya?

**Amir:** Saya fikir langkah pertama ialah kesedaran kepada staf kumpulan pengurusan dan profesional, sebab mereka adalah orang yang akan mengenal pasti kandungan. Kita mesti ubah 'mind set' kumpulan ini supaya tidak hanya tertumpu kepada tugas seharian semata-mata. Mereka sepatutnya melakukan lebih daripada itu terutamanya membangunkan 'content'. Kita fikir macam mana nak bina 'content'. Dalam perkara ini kita kena bincang dengan Bahagian Pengurusan Maklumat untuk mencari idea, 'brain storm' dan kita kena tengok macam mana universiti lain melakukannya.


Pertama sekali apabila Pustakawan kita semua dah faham konsep ini dan barulah kita meneliti bahan tambahan seperti perisian yang sekarang ini kita sedang pilih. Apabila kita dah ada perisian tu, maka Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat pula akan terlibat untuk mengendalikannya.



Tapi input dan kandungan yang hendak dimasukkan kita perlu fikir sama-sama dan bekerja keras untuk itu. Sebagai contoh yang kita nampak sekarang ialah koleksi Prof. Chin dalam bentuk slide kerana dia juga seorang jurugambar. Mungkin ini sebagai satu permulaan. Jadi yang penting sekali Pustakawan kita perlu berfikir ke arah itu (untuk membina isi kandungan dan memberi perkhidmatan). Kita perlu memaksimumkan tenaga staf yang ada bagi mencapai matlamat ini.

**My Library:** Pada pendapat En. Amir, apakah peranan dan sumbangan yang harus di mainkan oleh PSAS. Sebab di luar kita selalu juga dengar PSAS tidak memberi impak.

**Amir:** Untuk memberi impak, pada saya ada dua pendekatan. Pertama, pustakawan



kena berfikir lebih ke hadapan dalam memberi perkhidmatan. Barisan depan sekali iaitu Pustakawan Penghubung Fakulti perlu berusaha menonjolkan diri dan menunjukkan sifat prihatin terhadap aktiviti pengumpulan maklumat. Mereka juga mesti bekerja keras dalam mencari sumber maklumat dari lain-lain sumber dan tidak semestinya dari perpustakaan sahaja. Saya faham, bukan senang kalau kita uruskan tiga atau lebih fakulti tapi kita kena pandai membahagikan masa.

Pustakawan juga perlu melibatkan diri dengan aktiviti akademik universiti seperti syarahan inaugural kerana mereka akan mengetahui apa yang berlaku dalam bidang-bidang tertentu. Jika fakulti menganjurkan seminar atau syarahan mengenai sesuatu bidang baru, Pustakawan Penghubung Fakulti perlu menyertainya untuk mengetahui perkembangan terbaru dalam bidang tersebut kerana mereka berperanan menyokong aktiviti penyelidikan.

Dalam masa yang sama pustakawan perlu mengekalkan mutu perkhidmatan agar selari dengan pembangunan semasa bidang kepustakawanan. Macam sekarang ni pembudayaan ICT dan penggunaan internet tanpa wayar, kita telah melaksanakannya. Walaupun kita telah memperoleh sijil ISO, kita sepatutnya tidak boleh leka atau berpuas hati sebaliknya kita perlu dinamik dan berusaha ke arah meningkatkan mutu kerja.

**My Library:** Apakah kekuatan yang dimiliki oleh PSAS yang En. Amir rasa, mungkin orang ramai tak tahu khususnya masyarakat kampus tak tahu?


**Amir:** Kekuatan kita adalah dari segi sumber manusia. Kita perlu menggunakan kekuatan tersebut dengan sebaik-baiknya. Kita mesti bentuk mereka (staf) sebab kekuatan kalau

kita tengok Perpustakaan Akademik di Malaysia berbeza-beza mengikut keunikan masing-masing. Kita mesti mewujudkan kekuatan baru terutamanya dari segi 'packaging of the content', misalnya dalam bidang pertanian.

(Ikuti sambungan wawancara di keluaran akan datang)

## Profil

**Nama:** Amir Hussain bin Md. Ishak  
**Tarikh Lahir:** 19 April 1955  
**Asal:** Pulau Pinang  
**Kelulusan:** Bac. Sains Perpustakaan & Maklumat, UiTM dan Master Sains Perpustakaan & Maklumat, UIAM  
**Jawatan:** Pemangku Ketua Pustakawan  
**Mula bertugas di UPM:** Oktober 1979  
**Isteri:** Wan Sallehah Wan Mahmood  
**Anak:** Khairul Amirin, Khairil Syzwan, Khairina Izzati dan Khairi Imran  
**Makanan/Minuman Kegemaran:** Kari kepala ikan/Nescafe  
**Hobi:** Membaca, melancong  
**Buku yang disukai:** Yang ada kaitan dengan kerjaya  
**Muzik/artis diminati:** semua jenis muzik/Siti Nurhaliza  
**Warna Kegemaran:** biru dan putih  
**Perkara yang disukai/dibenci:** Masa bersama keluarga/ mengumpat



## Sukan

# Pasukan Hijau juara sukan PSAS

Pasukan Hijau muncul juara keseluruhan dengan mengutip 24 mata dalam karnival sukan rekreasi Perpustakaan Sultan Abdul Samad yang diadakan penghujung Disember lalu.

Kejayaan pasukan hijau diumumkan dalam satu majlis perjumpaan staf PSAS bersama Pemangku Ketua Pustakawan, Amir Hussain Md Ishak. Dalam majlis itu Amir menyampaikan piala sumbangannya kepada Ketua Pasukan Hijau, Suhaimi Hussain.

Tempat kedua milik pasukan kuning dengan 20 mata manakala tempat ketiga dikongsi bersama antara pasukan merah dan biru dengan masing-masing mengumpul 18 mata.

Dalam pertandingan sukan tahunan tersebut sebanyak lapan acara dipertandingkan iaitu badminton, bola tampar, sepak takraw, bola jaring, futsal, ping pong, karom dan boling terbuka.

Karnival sukan yang dianjurkan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan sesama staf PSAS dan dapat membentuk kerja



Anggota pasukan hijau bersama piala dan hadiah yang dimenangi

berpasukan antara satu sama lain. Dalam masa yang sama juga ia dapat mencungkil bakat baru untuk mewakili PSAS ke peringkat universiti.

Selain itu, sukan ini berjaya menggilap bakat yang ada di PSAS dalam acara yang berpotensi menyumbang kelangsungan kecemerlangan kontinjen PSAS dalam acara sukan antara gagasan.

## 13<sup>th</sup> General Conference Congress Of Southeast Asian Librarians (CONSAL XIII)

# Pustakawan UPM bentangkan kertas kerja

Ketua Bahagian Rujukan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM, Salmah Abdullah mencatat sejarah tersendiri buat PSAS apabila berjaya terpilih membentangkan kertas kerja di 13<sup>th</sup> General Conference Congress Of Southeast Asian Librarians (CONSAL XIII) yang berlangsung di Mandaluyong City, Filipina.

Persidangan yang berlangsung bermula 25 hingga 30 Mac 2006 telah dihadiri kira-kira 1,500 peserta yang terdiri daripada pustakawan, penerbit, pembekal pangkalan data, pembekal buku dan pensyarah institusi pengajian tinggi.

Peserta ini mewakili seluruh Negara di Asia Tenggara dan Australia. Ada juga peserta yang datang daripada India, United Kingdom dan Mauritius.

Salmah membentangkan kertas kerja bertajuk 'Training of Librarian: Style and Strategies'. Dalam kertas kerja tersebut Puan Salmah membentangkan hasil kajian beliau ke atas kira-kira 300 responden yang terdiri daripada Pustakawan di 11 buah perpustakaan di Malaysia.

Antara persoalan menarik yang dibincangkan ialah mengenai pandangan Pustakawan tentang bidang latihan yang diterima sama ada memadai atau tidak dengan tugas seharian.



Salmah (tengah) bersama peserta persidangan

Berdasarkan hasil kajiannya juga mendapati apabila Pustakawan mendapat latihan yang secukupnya mereka akan menterjemahkan dalam tugas seharian dengan lebih baik dan berkualiti.

Turut membentangkan kertas kerja pada persidangan itu ialah wakil daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) dan Pengarah Perpustakaan Negeri Sarawak.

## Perpustakaan Perubatan berpindah ke bangunan baru


Perpustakaan Perubatan iaitu perpustakaan cawangan kepada Perpustakaan Sultan Abdul Samad telah berpindah ke bangunan baru bertempat di Kompleks Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan berhampiran Hospital Serdang.

Menurut Ketua Perpustakaan Perubatan, Wan Faridah Wan Mansor, proses perpindahan itu bermula pada 17 Jun 2006 dan mengambil masa selama 3 hari. Selepas itu, proses penyusunan bahan di rak yang mengambil masa kira-kira dua minggu.

Bangunan baru Perpustakaan tersebut memulakan operasi sepenuhnya pada 3 Julai 2006. Bangunan empat tingkat yang diperuntukkan untuk perpustakaan itu buat masa ini menempatkan kira-kira 19,200 koleksi bahan bercetak termasuk buku dan jurnal berjilid.



Kiri: Staf Perpustakaan Perubatan bertungkus-lumus menyusun buku di rak. Kanan: Pemandangan ruang bacaan



Ketua Perpustakaan Perubatan, Wan Faridah (kanan) bersama staf lain ceria menerima kunjungan

Kata Wan Faridah, dijangka pada masa akan datang perpustakaan perubatan yang terletak di Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur akan dipindahkan ke bangunan yang sama untuk menampung keperluan pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhannya. Buat masa ini Perpustakaan Perubatan menggunakan sebahagian besar dari 3 tingkat bangunan tersebut. Tingkat bawah pihak perpustakaan berkongsi dengan beberapa bilik tutor dan bilik pelajar siswazah. Hanya bahan media seperti akhbar dan majalah di tempatkan di tingkat bawah.

Tingkat 1 pula menempatkan koleksi am dan terdapat juga ruang bacaan. Tingkat ini berkongsi ruang dengan Muzium Anatomi, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Manakala di Tingkat 2 menempatkan koleksi jurnal, buku rujukan, tesis dan kertas projek. Di sini juga terletak ruang bacaan yang boleh menampung kira-kira 200 orang pada satu-satu masa. Dengan bilangan kakitangan seramai 2 orang Pustakawan dan 7 Pembantu Perpustakaan, perpustakaan ini menawarkan perkhidmatan bermula jam 8.00 pagi sehingga 9.00 malam. Pada hari Sabtu dan Ahad semua perkhidmatan ditutup untuk pengguna.

## Pustakawan UPM diiktiraf peringkat kebangsaan

KUALA LUMPUR: Pustakawan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Salmah Abdullah mencatat sejarah bidang kepustakawanan di Negara ini apabila diumumkan sebagai Pemenang Anugerah Pustakawan Harapan 2005 peringkat kebangsaan baru-baru ini.

Kejayaan beliau itu diumumkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan 2006 Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) yang diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia dekat sini.

Salmah yang berkhidmat di Bahagian Rujukan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad merupakan pemenang tunggal setakat ini sejak anugerah tersebut diperkenalkan lima tahun lalu.

Ketika diminta mengulas tentang kejayaannya, Salmah berkata beliau tidak menyangka dan sangat terkejut apabila mendapat tahu tentang kejayaannya memperoleh anugerah yang sangat bermakna itu. "Walau bagaimanapun saya amat gembira menerima anugerah ini," katanya lagi yang langsung tidak tahu tentang kejayaan tersebut sehinggalah diumumkan oleh pihak penganjur.



Salmah bersama sijil serta piala Anugerah Pustakawan Harapan 2005

Menurutnya, pada masa diumumkan beliau tidak hadir dalam mesyuarat agung tahunan kerana mempunyai komitmen kerja yang lain. Pada majlis penyampaian anugerah Salmah diwakili Pemangku Ketua Pustakawan UPM, Amir Hussain Md Ishak. Hadiah disampaikan oleh Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia, Dr Wan Ali Wan Mamat.

## Lawatan ke USM

Pada 5 April baru-baru ini seramai 80 orang pegawai Perpustakaan Sultan Abdul Samad mengadakan lawatan ke Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang.

Lawatan tersebut bertujuan untuk menjalinkan hubungan silaturahim antara warga perpustakaan UPM dan USM agar dapat berkongsi maklumat untuk kebaikan bersama. Selain itu, lawatan itu juga dapat berkongsi pandangan dan pengalaman mengenai perjalanan operasi Perpustakaan Hamzah Sendut yang terkenal sebagai sebuah perpustakaan akademik yang terbaik di Malaysia.

Rombongan UPM diketuai oleh Ketua, Bahagian Perkhidmatan Sokongan, Rabiah Ismail. Dalam lawatan setengah hari itu, rombongan UPM diraikan oleh Pemangku Ketua Pustakawan USM, Che Norma Bakri. Rombongan UPM turut diberi taklimat dan sesi dialog antara kedua-dua pihak.

Dalam pada itu peserta rombongan UPM melawat bahagian yang mempunyai perkaitan bidang kerja yang dilakukan untuk pendedahan dan pertukaran pengalaman. Sepanjang lawatan



Rombongan PSAS bergambar di hadapan Perpustakaan Hamzah Sendut, USM

tersebut pihak perpustakaan USM telah mengaturkan perlawanan persahabatan untuk acara bola sepak bagi lelaki dan bola jaring bagi perempuan.



## Staf PSAS ditawarkan jawatan Pegawai Tadbir

DUA staf Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) iaitu Joliah Hussin dan Saheh Said antara pegawai sokongan universiti ini yang telah ditawarkan jawatan Pegawai Tadbir dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Joliah Hussin, kakitangan di Bahagian Koleksi Khas dilantik ke jawatan Pegawai Tadbir berkuat kuasa pada 26 Oktober 2005 manakala Saheh Said dilantik ke jawatan yang sama pada Februari 2006. Kini Joliah bertugas di Pejabat Pendaftar dan Saheh di Pusat Sukan.

Baru-baru ini kedua-dua mereka dan termasuk kakitangan yang bersara diraikan dalam satu majlis jamuan tengah hari sempena perpisahan warga PSAS itu. Turut diraikan dalam majlis tersebut ialah Md. Tohit Hasan (Juruteknik Kanan), Nooryah Ghulam (Pustakawan) dan Hayati Saarani (Pustakawan). Tohit bersara pada 6 Januari 2006, manakala Nooryah dan Hayati masing-masing pada 13 dan 28 Januari 2006.

Pihak PSAS mengucapkan terima kasih atas sumbangan dan khidmat bakti sepanjang bekerja di PSAS. Warga PSAS sentiasa mendoakan kejayaan dan kesihatan yang berpanjangan kepada pesara-pesara serta staf yang meninggalkan PSAS. Dalam ucapan perpisahan tersebut, Saheh yang mewakili rakan-rakan yang lain mengucapkan terima kasih atas sokongan rakan sekerja sepanjang berkhidmat di PSAS.

Terbaru, seorang lagi kakitangan PSAS, Taib Othman juga ditawarkan jawatan Pegawai Tadbir. Perkara ini dimaklumkan melalui surat Pejabat Pendaftar kepada Pemangku Ketua Pustakawan bertarikh 27 September 2006. Taib merupakan Pembantu Perpustakaan di Bahagian Koleksi Khas.



## Staf PSAS wakili UPM dalam sukan IPTA

Tiga staf Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah mewakili universiti di Kejohanan Sukan Staf antara Institusi Pengajian Tinggi Awam yang berlangsung di UPM baru-baru ini.

Mereka adalah Ismail Ibrahim dari Bahagian Sirkulasi yang mengambil bahagian dalam acara bola sepak veteran. Pasukan bola sepak veteran UPM memenangi tempat ketiga dalam kejohanan tahunan tersebut. Dua lagi staf PSAS ialah Azhar Ahmad juga daripada Bahagian Sirkulasi dan Mohd Rashidi Osman Nusi dari Bahagian Pengurusan Maklumat. Kedua-duanya mengambil bahagian dalam acara Hoki.

Sumbangan Azhar dan Rashidi amat besar apabila berjaya membawa pasukan Hoki UPM muncul juara dalam kejohanan tersebut. Tahniah diucapkan di atas pencapaian staf PSAS dalam membantu universiti dan mengharumkan nama PSAS. Di harap di masa akan datang lebih ramai peserta atau atlet yang mewakili PSAS dalam acara sukan antara universiti.



(Dari kiri) Ismail, Rashidi dan Azhar berjaya mewakili UPM di kejohanan Sukan Staf IPTA


## 2 Buku Panduan bantu pengguna perpustakaan

Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) melalui Jawatankuasa Program Pendidikan Pengguna dan Unit Promosi, Pejabat Ketua Pustakawan berjaya menerbitkan dua buku panduan untuk pengguna perpustakaan mendapat maklumat serta penerangan yang lebih jelas tentang PSAS.

Buku pertama ialah "Panduan Perpustakaan Sultan Abdul Samad" iaitu sebuah buku yang seharusnya dimiliki oleh semua warga UPM serta ahli perpustakaan yang berdaftar. Buku ini mengandungi pelbagai maklumat penting dan asas mengenai Perpustakaan Sultan Abdul Samad. Buku panduan ini turut memberi penerangan tentang peraturan, kesalahan dan denda, koleksi yang terdapat di PSAS, senarai pangkalan data elektronik, pengelasan bahan dan penyusunan bahan di rak.

Selain itu, pengguna juga dapat mengetahui dengan lebih terperinci tentang kemudahan serta perkhidmatan yang ditawarkan di PSAS. Buku ini turut memuatkan direktori Pustakawan dan ia amat penting untuk maklumat perhubungan. 'Panduan Perpustakaan Sultan Abdul Samad' telah diedarkan kepada pelajar baharu sesi Julai baru-baru ini.

Manakala buku panduan kedua yang diterbitkan ialah 'Panduan Penggunaan Katalog Perpustakaan'. Buku ini menerangkan secara terperinci bagaimana menggunakan Katalog Perpustakaan dalam talian atau lebih dikenali sebagai OPAC (Online Public Access Catalogue). Bagi pengguna baru khususnya pelajar yang baru mendaftar sebagai warga UPM seharusnya memiliki buku ini secara percuma di PSAS kerana ia dapat membantu pelajar atau pengguna dalam pencarian bahan, tempahan bahan,




Kedua-dua buku ini boleh diperolehi di Meja Penasihat Pengguna

memperbaharui pinjaman dan pengguna juga dapat menyemak rekod aktiviti.

Buku ini akan memberi tunjuk ajar kepada pengguna dalam usaha untuk memahirkannya dengan sistem katalog perpustakaan yang berasaskan web. Pengguna Perpustakaan perlu menguasai kaedah serta teknik pencarian bahan kerana ia dapat membantu mereka mencari sumber rujukan bagi tujuan pembelajaran, penyelidikan dan pelbagai tugas akademik yang lain.

Kedua-dua buku ini boleh didapati di Meja Penasihat Pengguna, sila berhubung dengan Bahagian Pengurusan Maklumat, Tingkat 1, Perpustakaan Sultan Abdul Samad atau hubungi talian 03-89468648/8625.




**TAJUK:** PLANT SYSTEMATICS  
**PENGEARANG:** MICHEAL G. SIMPSON  
**PENERBIT:** ELSEVIER ACADEMIC PRESS  
**ISBN:** 0-12-644460-9  
**No. PANGGILAN:** QK95 S613  
**TAHUN PENERBITAN:** 2006  
**HARGA:** RM 483.35

**Plant Systematics** is an introduction to the morphology, evolution and classification of land plants by presenting basic information in understandable terminology. This book is appropriate for researchers, students and professionals in plant systematics, plant taxonomy/floristics, plant diversity, plant morphology, botany and related disciplines.

The book is classified into units, which consists of two or more chapters logically grouped together. Unit 1, Systematics gives a general overview of the concepts and methods for the field of systematics. Unit 2, Evolution and Diversity of Plants, describes in detail the characteristics and classification of plants. The six chapters of this unit are intended to give the beginning student a basic understanding of the evolution of Green and Land Plants.

Unit 3, Systematic Evidence and Descriptive Terminology, begins with a chapter on plant morphology. The other chapters in this unit cover the basic descriptive terminology of plant anatomy, plant embryology, plant reproductive biology and plant molecular systematics. Unit 4, Resources in Plant Systematics, discusses some basics that are essential in everyday systematic research. Finally, three Appendices and a Glossary are included, Appendix 1 is a list of characters used for detailed plant descriptions, Appendix 2 is a brief discussion of botanical illustration and the Glossary defines all terms used in the book.




**TAJUK:** ELECTRONIC GOVERNMENT STRATEGIES AND IMPLEMENTATION  
**PENGEARANG:** WAYNE HUANG, KENG SIAU & KWOK KEE WEI  
**PENERBIT:** IDEA GROUP PUBLISHING  
**ISBN:** 1-59140-350-2  
**No. PANGGILAN:** JF1525 A8E38  
**TAHUN PENERBITAN:** 2005  
**HARGA:** RM 321.96

This book is on **E-Government Strategies and Implementation**, consists of 18 chapters, provide an excellent overview on the topic of e-government and the practice of e-government in various countries. All the chapters have undergone a thorough review process and extensive revisions. These chapters are grouped into two sections.

The first section consists of seven chapters that focus on E-Government Implementations Strategies, Concepts and Issues. Chapter 1-4 discusses the application of e-government in the government and administration system and describes the four developmental stages and the impact of change in government business process. Chapter 5 - 7 explores the challenges, requirement, issues and solutions associated with satisfying requirements for privacy and trust in e-government.

The second section consists of 11 chapters and this section focuses on E-Government Implementations and Practices. Chapter 8 - 18 compares and contrasts the different strategies issues of digital government implementation between developed and developing countries.

The book is recommended for both researchers and practitioners in the e-government area. For researchers, this book provides the necessary conceptual foundation and knowledge in the area. For practitioners, this book discusses issues and concerns related to e-government implementation that are invaluable to practice.



**TAJUK:** ABDULLAH BADAWI - MENUJU KECEMERLANGAN HAKIKI  
**PENGEARANG:** S. HASHIM AHMAD  
**PENERBIT:** JUZ'ART  
**ISBN:** 983-3153-01-1  
**No. PANGGILAN:** DS597.215 A2S525  
**TAHUN PENERBITAN:** 2005  
**HARGA:** RM 25.00

Buku **ABDULLAH AHMAD BADAWI - Menuju Kecemerlangan Hakiki** diterbitkan selepas setahun Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri Malaysia. Buku ini mengupas mengenai gaya kepimpinan serta program dan dasar yang diperkenalkan oleh Abdullah yang memperlihatkan keistimewaan, kebolehan dan kelainan yang dimiliki beliau sebagai Perdana Menteri.

Di awal bab, buku ini merakamkan pelbagai peristiwa suka duka yang dilalui oleh Abdullah, dari zaman kanak-kanak beliau sebagai anak desa yang membesar dalam persekitaran keluarga yang begitu mengambil berat tentang didikan Islam. Bab-bab berikutnya menceritakan perjalanan politik beliau yang penuh warna warni, sebelum mengambil alih tampuk kepimpinan Negara daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad. Buku ini juga mengupas dan membuat penilaian kemampuan, keikhlasan dan keunikan yang dimiliki oleh cucu ulama terkenal ini bukan sahaja sebagai pemimpin Malaysia, tetapi juga sebagai pemimpin OIC.

Pelbagai kisah eksklusif dan maklumat mengenai Abdullah dan keluarga beliau yang tidak pernah dirakam dalam mana-mana penerbitan lain termasuk akhbar, adalah antara keistimewaan buku ini. Rakyat Malaysia boleh mengenali dengan lebih dekat lagi Perdana Menteri Malaysia kelima ini, menerusi penerbitan buku yang ditulis oleh S.Hashim Ahmad, seorang penulis yang pernah berkhidmat sebagai wartawan sebelum ini.

## Memberi kesedaran betapa bertuahnya rakyat Malaysia

Judul: **ROOTS**

Pengarang : **ALEX HALEY, 1977**

Pembaca: **Nor Hajar Abu Bakar**

Bagi Nor Hajar Abu Bakar, buku hasil karya pengarang terkenal Alex Haley ini banyak memberi kesan yang mendalam terhadap dirinya. Buku yang dibaca ketika usia belasan tahun itu banyak menyedarkannya untuk menyanjung tinggi dan menghargai jati diri, hidup bermaruah dan tidak malu dengan asal usul diri.

Buku ini berkisar tentang kehidupan masyarakat di Negara Afrika yang diculik dan dijadikan hamba abdi untuk bekerja di ladang-ladang kapas dan gandum di Amerika. Buku ini menceritakan semangat hamba abdi ini mengekalkan budaya, maruah dan tidak melupakan asal usul mereka walaupun telah terjadi banyak perkara yang memaksa mereka berubah dengan keadaan persekitaran yang baru di samping penindasan oleh majikan mereka.

Nor Hajar berpendapat “Roots” ada persamaan dengan Malaysia tetapi bezanya Malaysia lebih merdeka dan tiada perhambaan yang terjadi sehingga membawa kepada kehilangan jati diri dan maruah melayu.

“Membaca buku ini membuatkan saya berasa bertuah dilahirkan di Malaysia,” kata Puan Nor Hajar.

---

## Buku untuk mereka yang prihatin tentang pemakanan

Judul: **YOU'RE WHAT YOU EAT : YOUR HEALTHY LIFESTYLE GUIDE**

Pengarang : **CHIA JOO SUAN, 2006**

Pembaca: **Hafizah Hasan**

“Buku ini membuatkan saya lebih prihatin dengan apa saja makanan yang saya ambil,” ujar Hafizah Hassan memulakan perbualan dalam temu ramah bersama penulis.

Buku tentang khasiat makanan dan gaya pemakanan yang serba lengkap sesuai untuk semua golongan. Ia mengajar pembaca untuk mengambil berat tentang apa yang dimakan. Pembaca dilengkapi dengan pengetahuan tentang kebaikan dan juga keburukkan sesuatu makanan itu. Bagi pembaca yang mempunyai penyakit seperti kencing manis, darah tinggi mahu pun gout, buku ini juga menerangkan makanan apa yang sesuai diambil dan yang patut dielakkan. Pembaca yang mempunyai alahan terhadap makanan juga boleh menggunakan buku ini sebagai rujukan.

Sesuai dengan tajuk yang diberi, buku ini juga menyenaraikan berbagai jenis buah-buahan, sayur-sayuran, bijirin dan makanan yang sudah diproses yang baik untuk kesihatan di samping makanan yang mungkin menyebabkan kesan sampingan kepada pemakannya.

Menurut Hafizah, akibat perasaan ingin tahu, buku ini adalah buku yang paling cepat habis dibaca. Kesannya membuatkan Cik Hafizah lebih berhati-hati dengan apa yang dimakan dan cuba mengelakkan makanan yang boleh membawa kesan sampingan yang boleh memudaratkan diri di masa hadapan.

Susunan: **Azana Abd. Hadi**

Nota:

Ruangan ini mempelawa sesiapa yang berminat untuk berkongsi pengalaman, pengajaran, motivasi dan apa sahaja perasaan yang terungkap selepas membaca sesebuah buku. Kongsikan bersama pembaca My Library dengan menghantar kepada kami pengalaman anda yang berguna itu untuk melahirkan minat membaca kepada orang lain.

# Rosnah puas hati dengan kemudahan dan perkhidmatan di PSAS

... beberapa perkara perlu dibaiki

**Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) sentiasa memastikan pengguna mendapat perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik di samping memberi kepuasan yang tidak terhingga kepada pengguna. Dalam usaha itu, maklum balas daripada pengguna sangat dialu-alukan bagi memperbaiki kelemahan yang ada. Wakil My Library Samsida Samsudin sempat menemu bual Rosnah Shamsudin, Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Proses & Makanan, Fakulti Kejuruteraan untuk mengetahui dengan lebih jelas tahap kepuasan pelanggan sepanjang berurusan dengan PSAS.**



## 1. Selalukah puan mengunjungi Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS)?

Sebagai seorang pegawai akademik, mengunjungi Perpustakaan Sultan Abdul Samad adalah suatu kemestian. Buku-buku rujukan perlu dicari dalam penyediaan nota kuliah, soalan-soalan peperiksaan dan juga sebagai sumber maklumat untuk penyelidikan saya

## 2. Apakah kemudahan/perkhidmatan yang sering digunakan?

Sudah tentu perkhidmatan peminjaman buku-buku rujukan, 'online databases', CD-ROM databases, perkhidmatan pembekalan dokumen dan sebagainya.

## 3. Apakah pendapat anda tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh PSAS?

Saya bermula di UPM sebagai pelajar di Fakulti Kejuruteraan pada tahun 1990 di mana UPM pada ketika itu dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia. Sungguh banyak perubahan telah saya lihat seperti dari segi susun atur dalaman di dalam perpustakaan yang lebih memihak kepada keselesaan pengguna, perkhidmatan yang ditawarkan seperti perkhidmatan 'online' di mana pengguna boleh mencari maklumat di mana jua berada tanpa perlu bersusah payah ke perpustakaan. Buku-buku rujukan dan artikel-artikel penyelidikan yang terkini juga terdapat di sini. Sungguh banyak perubahan yang telah saya alami sebagai pengguna setia perpustakaan.

## 4. Adakah perkhidmatan yang diberikan memenuhi keperluan anda?

Pada pendapat saya, perkhidmatan di PSAS telah dapat memenuhi keperluan pengguna sama ada pelajar atau pegawai akademik secara khususnya. Saya pernah menjadi wakil perpustakaan bagi Fakulti Kejuruteraan pada tahun 2002 hingga 2004 di mana pihak PSAS telah cuba sedaya upaya memenuhi keperluan kami sama ada dalam bentuk buku, artikel penyelidikan, kursus-kursus berkaitan perpustakaan serta pelbagai maklumat yang diperlukan oleh Fakulti Kejuruteraan dalam mencapai ISO 9001, akreditasi, pencapaian anugerah dan sebagainya.

## 5. Apakah cadangan anda untuk mengatasi atau memperbaiki perkhidmatan/kemudahan di PSAS?

- Saya mencadangkan agar pihak PSAS dapat menyediakan senarai pangkalan data khas untuk artikel-artikel penyelidikan keluaran IPTA dan agensi penyelidikan tempatan. Bahkan PSAS juga perlu memiliki artikel-artikel ini sama ada dalam bentuk 'online' (lebih baik) atau bahan bercetak. Sebagai pegawai akademik, saya perlu juga mengetahui tentang penyelidikan yang telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik tempatan dan penemuan mereka.

- 'wireless access' untuk internet hendaklah meliputi keseluruhan bangunan PSAS agar pengguna dapat melayari internet di mana-mana kawasan di PSAS.

- Pihak PSAS perlulah membenarkan pengguna membawa beg komputer bimbik kerana di dalam beg ini terdapat pelbagai barang-barang berharga berkaitan komputer seperti kabel, cd dan sebagainya. Walaupun begitu, pihak PSAS mestilah

memantau kandungan beg sebelum masuk dan selepas keluar dari PSAS.

## 6. Apakah pendapat anda tentang kakitangan PSAS?

Pada pendapat saya, PSAS bukan sahaja dapat memenuhi bahan ilmiah terkini tetapi pengetahuan dan perkhidmatan kakitangannya juga amat cemerlang. Kecekapan dalam perkhidmatan, pengetahuan yang dimiliki, keikhlasan yang dihulurkan, dedikasi, mesra, keramahan, mudah memberikan bantuan apabila diperlukan tanpa mengira siapa pengguna, telah cukup menjadikan PSAS sebagai sumber segala maklumat.

## 7. Apakah pendapat anda tentang koleksi di PSAS?

Secara keseluruhannya, saya berpendapat bahawa PSAS telah dapat menyediakan pelbagai jenis dan bentuk bahan ilmiah. Di samping itu, saya berharap pihak PSAS dapat mempertingkatkan dalam menyediakan bahan ilmiah yang lebih terkini dan semasa terutamanya dalam bentuk 'online' agar pengguna dapat mengetahui maklumat dan teknologi terkini sama ada di dalam dan luar negara.

PSAS mestilah tahu mengenai buku-buku rujukan yang kerap dipinjam oleh pengguna agar bilangan buku-buku ini ditambah. Maklumat ini penting agar pengguna dapat menggunakan buku tersebut dalam masa yang singkat terutamanya kepada pelajar agar mereka dapat mencari maklumat yang dikehendaki oleh pensyarahnya dengan cepat.

# 9 bahagian tawar pelbagai khidmat dan kemudahan di perpustakaan

**P**erpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan salah satu entiti terbesar di universiti ini. Dengan kekuatan kakitangan seramai 134 orang, PSAS sedia menahut cabaran khususnya dalam menawarkan perkhidmatan dan kemudahan yang berkualiti kepada pelanggan.

Beberapa bahagian telah ditubuhkan untuk menyokong dan memperkuat perjalanan pentadbiran dan ke arah penawaran mutu perkhidmatan yang berkualiti di PSAS seiring dengan kehendak persijilan MS ISO 9001: 2000 yang dicapai pada September 2005.

Bahagian-bahagian tersebut ialah Bahagian Perkhidmatan Sokongan, Bahagian Pembangunan Koleksi, Bahagian Koleksi Khas, Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat, Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Terbitan Bersiri, Bahagian Media dan Arkib, Bahagian Rujukan dan Bahagian Sirkulasi. Di bawah ini disenaraikan peranan serta fungsi utama bahagian tersebut.



Hawa - Ketua Bahagian Terbitan Bersiri

## BAHAGIAN TERBITAN BERSIRI

- Membuat pemilihan dan perolehan bahan terbitan bersiri untuk memenuhi keperluan maklumat Universiti.
- Menyediakan bahan terbitan bersiri untuk memenuhi keperluan pelanggan.
- Memperolehi bahan elektronik yang relevan dengan proses

pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan Universiti.

Hubungi Bahagian Terbitan Bersiri di talian 03-894632/8634



Haslina - Ketua Bahagian Pembangunan Koleksi

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOLEKSI

- Membeli bahan bacaan dengan membelanjakan peruntukan yang diagihkan mengikut fakulti.
- Memperolehi bahan bacaan melalui kaedah hadiah dan pertukaran.
- Menyediakan bahan bacaan bagi tujuan pinjaman dan rujukan pengguna.

Hubungi Bahagian Pembangunan Koleksi di talian 03-89468647



Rosmala - Ketua Bahagian Sirkulasi

## BAHAGIAN SIRKULASI

- Urusan keahlian
- Penyelenggaraan koleksi
- Perkhidmatan pinjaman
- Perkhidmatan kemudahan bilik karek, bilik perbincangan dan laci berkunci
- Urusan tempahan bahan

- Penyelenggaraan koleksi
- Rujukan ke Perpustakaan lain
- Pameran buku baru

Hubungi Bahagian Sirkulasi di talian 03-89468612/8629



Suhaimi - Ketua Bahagian Koleksi Khas

## BAHAGIAN KOLEKSI KHAS

- Membuat pemilihan bahan Malaysiana
- Penyediaan bahan koleksi tesis dan laporan projek untuk pengguna
- Penyelenggaraan bahan-bahan Koleksi Khas
- Pengindeksan bahan MAKMAL (maklumat Malaysia)
- Perkhidmatan pinjaman dan rujukan Koleksi Khas

Hubungi Bahagian Koleksi Khas ditalian 03-8946 8606/8607/8614



Nor Hajar - Ketua Bahagian Pengurusan Maklumat

## BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

- Memberi pendedahan kepada pengguna cara menggunakan

perkhidmatan, kemudahan dan koleksi Perpustakaan melalui Sesi Pengenalan Perpustakaan

- Membina kemahiran dalam menggunakan sesuatu bahan rujukan bagi memperoleh maklumat yang lengkap dan komprehensif dari sesuatu sumber maklumat melalui Program Pendidikan Pengguna
- Menawarkan perkhidmatan maklumat melalui khidmat Pustakawan Penghubung Fakulti .
- Menyokong dan melengkapkan keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan dengan menyediakan perkhidmatan pembekalan dokumen.
- Menyediakan perkhidmatan bagi mahasiswa PJJ dalam pembekalan bahan dan pencarian maklumat yang diperlukan.

**Hubungi Bahagian Pengurusan Maklumat di talian 03-89468648/8625**



Rabiah - Ketua Bahagian Perkhidmatan Sokongan

#### BAHAGIAN PERKHIDMATAN SOKONGAN

- Merancang dan mengurus program latihan staf
- menawar dan mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan, seperti penjilidan, percetakan berkomputer, salinan foto dan faksimili

**Hubungi Bahagian Perkhidmatan Sokongan di talian 03-89468645/8643/8641**



Rokiah - Ketua Bahagian Media & Arkib

#### BAHAGIAN MEDIA DAN ARKIB

- Menyedia koleksi, peralatan dan kemudahan media.
- Memberi perkhidmatan sirkulasi bahan media.
- Mengumpul bahan dan menguruskan Arkib UPM.

**Hubungi Bahagian Media dan Arkib di talian 03-89468617/8618**



Saifol - Ketua Bahagian Sistem & Pembangunan Maklumat

#### BAHAGIAN SISTEM DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Memberikan perkhidmatan yang berteraskan teknologi maklumat kepada pengguna dan staf PSAS.
- Memastikan semua sistem perpustakaan berfungsi dengan baik bagi menjamin perkhidmatan yang berterusan dan berkualiti.
- Memberikan sokongan teknikal kepada aktiviti, tugas dan perkhidmatan PSAS.
- Memastikan keperluan perkakasan, perisian dan peralatan mencukupi dan sedia digunakan.
- Memberikan latihan kepada staf dan pengguna mengenai penggunaan peralatan, perkakasan dan perisian.

**Hubungi Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat di talian 03-89468639/ 8637/8640**



Salmah - Ketua Bahagian Rujukan

#### BAHAGIAN RUJUKAN

- Menyelaras/mengendalikan perkhidmatan rujukan di Meja Penasihat Pengguna
- Menyelaras/mengendalikan perkhidmatan di Bilik Rujukan Elektronik
- Memberikan perkhidmatan penelitian maklumat
- Menilai dan mengemas kini koleksi rujukan
- Menyelaras/menjalankan kajian kepuasan pelanggan berdasarkan keperluan

**Hubungi Bahagian Rujukan di talian 03-89468621/8623**

## TAHUKAH ANDA?

Tahukah anda jumlah keseluruhan koleksi Perpustakaan Sultan Abdul Samad sehingga Disember 2005, adalah sebanyak **497,666** - sehingga Februari 2006, adalah sebanyak **499,212**.

Tahukah anda jumlah keahlian berdaftar Perpustakaan Sultan Abdul Samad sehingga Disember 2005 adalah **49,922** orang - sehingga Februari 2006 adalah **50,319** orang.

Tahukah anda jumlah keseluruhan kedatangan pengguna ke Perpustakaan Sultan Abdul Samad sepanjang tahun 2005 adalah seramai **607,847**.

# 10 PETUA membina sikap positif

Untuk mencapai sesuatu kejayaan dalam hidup bukanlah suatu perkara yang mudah. Usaha gigih, sabar, sedia berkorban dan bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu merupakan beberapa petua kejayaan yang biasa kita dengar. Namun kita jangan lupa bahawa sikap positif seseorang juga boleh menyumbang kepada faktor kejayaan.

Oleh itu, untuk mencapai kejayaan seseorang perlu memiliki sikap positif dalam diri masing-masing. Dengan adanya sikap positif laluan untuk menempa kejayaan akan menjadi lebih cerah dan insyaallah sinar kejayaan pasti menjelma.

Berikut disenaraikan 10 petua untuk membina sikap positif dalam diri anda. Semoga tip yang diberikan ini dapat membantu anda menyemai sikap positif dan menjadi dorongan untuk mencapai kejayaan dalam hidup.

## Petua 1: Jangkakan kejayaan

Hukum minda mengatakan apa yang dijangkakan kemungkinan besar akan berlaku. Sekiranya anda jangkakan kejayaan, fokus anda pastinya hanya kepada cara untuk berjaya. Anda gambarkan hanya nikmat dan erti sebuah kejayaan, maka secara tidak langsung anda akan menggarap sikap positif

## Petua 2: Lakunkan watak orang cemerlang

Untuk berjaya, kita mestilah mempunyai model ikutan (role model) yang boleh ditauladani. Hayati watak orang cemerlang. Berfikirilah, bercakaplah dan bertindaklah seperti mereka yang cemerlang. Lama-kelamaan tabiat cemerlang akan sehati dalam kehidupan harian anda.

## Petua 3: Ubah penampilan diri

Sikap positif terserlah melalui penampilan diri yang positif. Kita mula mengenali mereka yang bersikap positif melalui percakapannya, pakaiannya, rambutnya, kasutnya, gayanya dan sebagainya. Tetapi kita lupa, sebenarnya kita mampu melakukan sebaliknya iaitu membina sikap positif melalui penampilan positif.

## Petua 4: Berkawan dengan orang berjaya

Sekiranya anda memilih kawan yang positif, bergaul dengan mereka yang berjaya, banyak berbincang tentang apa yang mahu dicapai di masa hadapan, pastinya ia akan mempengaruhi pemikiran dan tindakan harian anda.

## Petua 5: Dalam ilmu kecemerlangan

Untuk mengekalkan semangat dan membina sikap positif maka anda perlulah sentiasa mendalami ilmu kecemerlangan diri. Anda boleh mendalaminya dengan banyak membaca buku-buku motivasi, berbincang dengan rakan-rakan tentang perancangan anda, menghadiri program dan ceramah motivasi.

## Petua 6: Fokus kepada apa yang anda mahukan

Untuk menjadi orang berjaya, anda mesti gambarkan diri anda seorang yang berjaya. Anda mesti mampu melihat apa yang mahu dilakukan mulai hari ini untuk menjadi orang berjaya. Ingatlah, focus kepada apa yang anda mahukan.

## Petua 7: Kejayaan silam membarai diri

Cuba ingatkan kembali sebanyak mungkin kenangan manis dan senaraikan dalam diari anda. Setiap kali anda rasa tertekan, negatif, malas, bosan dan sebagainya maka bacalah diari anda ini dan hayati semula saat-saat tersebut.

## Petua 8: Saranan diri positif

Untuk kekal dalam sikap positif anda perlu saran diri anda dengan katajaya yang merangsang jiwa dan fikiran. Anda juga boleh gunakan petikan mutiara kata daripada ahli ilmu, petikan al-quran serta hadith. Dengan melazimkan hidup anda berpandukan katajaya dan petikan-petikan ini maka ia memberi anda kekuatan untuk menahut cabaran dan mengatasi segala masalah

## Petua 9: Soal diri dengan doalan positif

Dalam sehari anda menyoal beribu-ribu soalan kepada diri anda, daripada soalan yang mudah-mudah hinggalah kepada soalan-soalan yang membentuk masa depan anda. Semua soalan boleh menjadikan anda lebih positif terhadap apa yang berlaku. Soalan yang diajukan akan membina kekuatan dalaman anda. Semakin berkualiti soalan yang dibentuk semakin berkualitilah diri anda.

## Petua 10: Dapatkan model ikutan

Model ikutan adalah seseorang yang anda kagum dengan pencapaiannya dan mahu mengikuti jejak langkahnya. Dapatkan beberapa model ikutan terutamanya mereka yang telah berjaya dalam bidang yang anda mahu ceburi.


(Petikan majalah Nur Mei 2006)

## JENTIK

Oleh: Zul



# Kewajiban Menuntut Ilmu



**Ilmu menurut perspektif Islam terbahagi kepada ilmu Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah. Kedua-dua jenis ilmu ini adalah sama pentingnya menurut Islam. Walau bagaimanapun setiap jenis ilmu ini mempunyai peranan dan fungsinya yang berlainan. Ilmu Fardhu Ain adalah ilmu yang wajib diketahui oleh setiap individu muslim bagi melayakkannya menjadi seorang muslim yang sempurna. Setiap ilmu yang mana tanpanya tidak akan sempurna sesuatu kewajipan maka ilmu itu adalah dikira Fardhu Ain.**

Sebagai contoh; apa sahaja ilmu yang membabitkan sah atau tidaknya solat seseorang maka ilmu tersebut adalah ilmu Fardhu Ain. Bagi setiap muslim setiap kewajipan seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji adalah kewajipan-kewajipan yang mesti dan wajib dilaksanakan oleh setiap individu. Oleh yang demikian ilmu bagi memastikan segala ibadah tersebut menjadi sempurna adalah wajib diketahui oleh setiap muslim. Allah berfirman dalam surah Al-Mujadalah; ayat 11 yang bermaksud :

**“Supaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman dan orang-orang yang mempunyai ilmu di kalangan kamu beberapa darjat”**

Manakala ilmu Fardhu Kifayah pula adalah ilmu yang tidak semestinya diketahui oleh setiap individu muslim. Walau bagaimanapun ilmu Fardhu Kifayah wajib juga dipelajari dan dikuasai oleh sebahagian daripada umat Islam mengikut kesesuaian dan keperluan setempat. Di antara contoh ilmu Fardhu Kifayah ialah seperti ilmu perubatan, ilmu perundangan, ilmu kemahiran dan kesenian, ilmu pelayaran dan berbagai ilmu yang lebih dikenali oleh masyarakat Islam hari ini sebagai ilmu keduniaan. Ilmu-ilmu ini tidak perlu dikuasai oleh semua individu muslim tetapi cukup jika diketahui oleh sebahagian umat Islam sahaja. Islam hanya memerlukan sebahagian sahaja umatnya menjadi kontraktor, menjadi peguam,

menjadi doktor dan sebahagian sahaja umatnya menjawat berbagai profesion yang lain. Tetapi semua individu muslim wajib menguasai ilmu asas dalam agama iaitu Ilmu Fardhu Ain.

## Pengertian Ilmu

Perkataan ilmu banyak terdapat di dalam al-Quran dan mempunyai makna-makna yang berbeza. Antaranya:-

### 1. Ilmu bermakna lihat/melihat

Firman Allah s.w.t dalam surah Muhammad ayat 31 yang bermaksud: **“Sesungguhnya Kami benar-benar akan menguji kamu agar Kami dapat melihat orang yang berjihad di kalangan kamu”.**

### 2. Ilmu bermakna ketahui/mengetahui.

Dapat dilihat dengan firman Allah yang bermaksud: **“ Dan Allah mengetahui apa yg kamu sembunyikan dan juga apa yg kamu nyatakan” (An-Nahl; ayat :19)**

### 3. Ilmu bermakna kebenaran/keizinan.

Sebagaimana yang boleh diambil dari firman Allah s.w.t yang bermaksud: **“Ketahuilah sesungguhnya al-Quran itu diturunkan dengan keizinan (kebenaran) Allah”. (Hud; ayat:14)**

Daripada tiga pernyataan wahyu ini dapatlah dikatakan bahawa ilmu mempunyai beberapa makna yang tersendiri dan apa yang hendak diperbincangkan ialah ilmu yang mempunyai makna umum iaitu ilmu bermakna pengetahuan atau mendapatkan sesuatu yang belum diketahui melalui pembelajaran.

Menuntut ilmu melalui proses pembelajaran sangat digalakkan oleh agama Islam dan ianya mempunyai kelebihan dan keistimewaan dari pandangannya.

## Anjuran

Islam menganjurkan kepada umatnya supaya menuntut dan berlumba-lumba di dalam mencari ilmu pengetahuan walau di mana pun berada, seperti kata-kata yang bersejarah yang bermaksud : **“Tuntutlah ilmu walau ke negeri Cina sekalipun”**

Daripada kenyataan ini dapatlah difahamkan bahawa Islam menganjurkan supaya setiap umatnya menuntut ilmu tidak kira di mana, asalkan ilmu itu mendatangkan kebaikan kepada individu, agama dan negara.

Kewajipan kepada setiap individu muslim untuk mendapatkan ilmu pengetahuan terdapat di dalam sabda nabi s.a.w yang bererti :

**“Menuntut ilmu itu adalah wajib ke atas setiap umat Islam lelaki dan juga perempuan”.** (Riwayat Imam Bukhari & Muslim)

Islam sangat-sangat mengambil berat ke atas setiap penganutnya supaya menuntut ilmu hingga sampai ketahap yang wajib. Menuntut ilmu yang diwajibkan oleh syarak adalah merangkumi semua ilmu kecuali ilmu-ilmu yang tidak mendatangkan manfaat kepada diri dan masyarakat serta agama; sebagai contohnya seperti ilmu sihir, menelik nasib, perjudian dan lain-lainnya adalah haram.



**MENERIMA KELAHIRAN CAHAYA MATA**

- Azizan Arshad
- Hazlindah Basiron
- Erni Suraya Abdul Aziz
- Asfalani Awang Ahmad
- Aidamaslia Yaakop
- Azila Mohd. Amanuddin

**BERSARA**

- Nooryah Ghulam (Jan 2006)
- Md. Tohit Hasan (Jan 2006)
- Haryati Saarani (Jan 2006)
- Norzaidah Mohd Hashim (April 2006)
- Khadlan Abu Bakar (Julai 2006)

**KENAIKAN PANGKAT****Pustakawan S52**

- Hafizah Hassan

**Pustakawan S48**

- Salmah Abdullah (Memangku)
- Haslina Abu Seman
- Shaifol Yazam Mat
- Muzaffar Shah Kassim (Memangku)

**Pustakawan S44**

- Azizah Zainal Abidin
- Fatimah Zahrah @ Aishah Amran
- Morni Yati Ibrahim
- Siti Razimah Mohd Noor
- Haslawati H.Maamor
- Roslan Ariffin
- Samsida Samsuddin
- Zarenah Wagino

**Penolong Peg. Perpustakaan/S27**

- Anas Yahaya
- Junaini Mohd Yusof
- Salina Abdul Aziz
- Sulaiman Ismail

**Pem.Perpustakaan Kanan/S26**

- Hasmah Hassan

**Pem. Perpustakaan Kanan/S22**

- Nazar Zainuddin
- Idris Bahaman

**PENERIMA ANUGERAH SETIA PUTRA UPM 2006**

- Azhar Abdul Rahman

- Azman Shah Zulkafli
- Halijah Othman
- Hamdan Dahlan
- Mohd Kasim Harun
- Mohd Marzuki Omar
- Mustapah Islamudin
- Muzaffar Shah Kassim
- Nasaruddin Idris
- Othman Sulaiman
- Zulkifli Abd. Jamil

**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2005**

- Zarenah Wagino
- Roslan Ariffin
- Muzaffar Shah Kassim
- Haris Dahlan
- Halijah Othman
- Palanisamy a/l Rengan
- Che Wa Zakaria
- Hashim Mat Sir
- Zakaria Suki
- Salehudin Ayob
- Mazalan Abdullah
- Rohana Alias

**JIKA PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD BERKATA...?**

(Aku yang dipanggil PSAS di tengah menara yang dipanggil UPM)

Di tengah menara ini tegak aku bermutiarkan kata kata pujangga kata ilmu, ilmu aku usang dan baru usang aku usang keramat, baru aku baru berazimat titah Sultan Abdul Samad, baginda kita; "...mercu tanda gelaran beta dikenali dunia, 23 Mei 2002 sejarah pemasyhuran kembali bergema di pentas dunia bersama UPM melakarkan nama".

Di tengah menara ini tegak aku bertiangkan amanah amanah aku, amanah nakhoda kata Ketua Pustakawan, KP kita; "...misi dan visi seiring matlamat universiti, hijrah minda, ISO, ICT dan jati diri, kualiti disiplin memperkasa 'MY TEAM, MY LIBRARY' siapsiaga menuju gerbang globalisasi".

Di tengah menara ini tegak aku berlampukan tekad tekad aku mencurahkan ilmu mencipta tamadun kata ahli-ahli pengkaji, cendekiawan kita; "...kan ku bongkar segala isi alam ini, berpaksikan kitab pengkajian, berorentasi akal pemikiran segala zarah teknologi, R & D dan teori digunakan kerana rahsia ilmu perlukan fakta dan penjelasan, maka, ku nyalakan minda unggul, mencetus warisan cerdas pandai untuk menerajui ciptaan dan suara yang terbilang".

Di tengah menara ini tegak aku berdinging ilmu ilmu aku tersimpan rahsia zaman berzaman kata siswa siswi, pelajar kita; "...di sini kita perlu tunaikan ikrar dan janji kerana kita anak-anak pusaka wawasan cemerlang mengenggam rukun muhibah dan perpaduan, bersama memacu, membuka peta gemilang

supaya 'MALAYSIA BOLEH' berbangga duduk semeja pelbagai bahasa diguna, petah bicarakan masalah dunia".

Di tengah menara ini tegak aku bercerminkan wasiat, wasiat aku, wasiat pemimpin kata Pak Lah, PM kita; "...ku selongkar sunah nabi, ku cari damai abadi, berkerja bersama-sama saya, misi nasional laksanakan segera membina tamadun bangsa, menjulang martabat negara dalam cemerlang, gemilang, terbilang nanti, modal insan menjadi paksi".

Di tengah menara ini tegak aku berbumbungkan sunah sunah aku sunah nabi, 'penghulu' kita; "...carilah ilmu penyuluh pedoman walaupun mimbar negeri China kita jelajahi di situlah umatku mengenali dunia dan diri kiblat panduan kepada yang hakiki bersinarlah 'NUR' ku kepada yang mencari".

Di tengah menara ini tegak aku bukan tegak membatu rupanya, tegak aku penuh amanah beribu-ribu, tegak aku bukan tegak membisu rupanya, tegak aku tegak tugu tugu sebagai pewaris agama, bangsa dan negara Maka itulah Perpustakaan Abdul Samad jika berkata, InsyAllah.

**Nukilan oleh  
Taib Hj. Othman  
April 2006  
BKK PSAS UPM.**

# PUISI

# Retreat PSAS berjaya terapkan budaya kerja berkualiti



**GENTING HIGHLAND (23-25 Jun 2006): Perpustakaan Sultan Abdul Samad menganjurkan Program Retreat Ke Arah Pemantapan ISO dan Keterampilan Jangka Panjang Budaya Kerja Berpasukan 2006 bertempat di Genting View Resort baru-baru ini.**

Program selama tiga hari ini dihadiri seluruh warga kerja PSAS iaitu seramai kira-kira 122 orang.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Rabiah Ismail program ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kompetensi, kecekapan dan keberkesanan staf PSAS dalam sistem pengurusan kualiti.

Katanya, antara objektif program ialah;

1. Untuk memantapkan pengetahuan dan penghayatan system pengurusan kualiti bagi menghadapi audit pemantauan SIRIM.



2. Meningkatkan kompetensi dan integriti staf PSAS
3. Memenuhi prosedur pengurusan latihan perpustakaan

Selain itu, program ini juga bertujuan mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara staf PSAS, terutama staf yang baru dan lama.

Sepanjang program berlangsung peserta didedahkan dengan aktiviti ceramah, perbincangan dan sesi muhasabah untuk mengenal pasti tahap pencapaian serta imbasan pengauditan PSAS.


Antara penceramah yang menjayakan program ini ialah Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia, Dr. Mohd Shatar Sabran (Budaya Kerja Cemerlang) dan Ketua Pustakawan, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM, Encik Abu Bakar Maidin yang berkongsi pengalaman beliau mengenai sistem pengurusan kualiti di perpustakaan UKM.



Dalam pada itu juga, semangat kerja berpasukan yang ditonjolkan melalui aktiviti persembahan amat terserlah dengan penglibatan semua staf mengikut bahagian masing-masing. Mereka menunjukkan komitmen dan kerjasama yang padu untuk mencapai matlamat kumpulan yang diwakili.

Hasil daripada persembahan tersebut, kumpulan yang mewakili Bahagian Terbitan Bersiri telah dinobatkan sebagai juara persembahan.





dari m/s 1

## Kerja berpasukan dan muafakat bawa PSAS ke mercu kejayaan

Amir mengingatkan kepada warga PSAS bahawa matlamat dan tujuan kerja adalah sama sahaja tidak kira siapa yang menjadi ketua. Yang berbeza hanya corak dan cara pentadbiran seseorang ketua.

Baginya untuk mencapai objektif, warga PSAS perlu kerja berpasukan. Dalam pada itu beliau sempat memperkenalkan slogan "My Team" untuk menarik perhatian staf PSAS untuk sama-sama mendukung hasrat murni bersama-sama beliau memajukan PSAS.

"Tidak perlu wujud team A atau team B. Hanya perlu ada kerja secara satu pasukan," tegasnya lagi dengan penuh semangat.

Beliau yang terkenal dengan sifat seorang ketua yang mudah didampingi suka mengingatkan warga PSAS tentang motivasi kerja. Katanya, kerja di perpustakaan ini merupakan satu kerja yang murni malah dianggap sebagai amal jariah yang besar pahalanya.

Dalam pada itu, Amir turut menekankan tentang beberapa komen dan aduan pengguna terhadap tahap perkhidmatan perpustakaan UPM. Beliau turut melahirkan perasaan sedih kerana masih terdapat beberapa aduan yang menunjukkan sikap tidak pro aktif di kalangan warga PSAS.

"Saya mahu setiap aduan atau komen yang negatif itu, perlu diambil tindakan segera oleh staf untuk perubahan dan kemajuan di masa akan datang. Apa guna kita menerima

komen daripada pengguna tapi sebarang langkah susulan tidak dilakukan untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan," kata Amir.

Menurutnya perkhidmatan pelanggan sangat mustahak kerana ia akan mencerminkan imej organisasi yang diwakili. Dalam soal ini aduan pengguna khususnya dalam perkhidmatan kaunter perlu dititikberatkan.

Pada majlis tersebut juga Amir sudi menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005 kepada staf PSAS. Pada masa yang sama juga pasukan Hijau diumumkan sebagai juara Karnival Sukan dan Rekreasi PSAS 2005.

# NOR ZAIDAH

## Tabur bakti selama 30 tahun bersama PSAS

**T**empoh 30 tahun berkhidmat di satu-satu tempat merupakan satu tempoh yang sangat panjang. Cabaran dan pengalaman yang dialami oleh Nor Zaidah Mohd Hashim, 56, sepanjang berkhidmat di Perpustakaan Sultan Abdul Samad tentu tiada tolak bandingnya.

Beliau memulakan kerjaya di UPM pada 1976 iaitu di Bahagian Katalog. Sebaik menamatkan pengajian Diploma Ijazah Lanjutan Sains Perpustakaan pada 1980 beliau ditempatkan di Bahagian Perolehan selama setahun. Selepas itu di Bahagian Penerangan (1981- 1991), Kajian dan Penyelidikan (1992-1993), Koleksi Malaysiana (1993-94), Jabatan Pengurusan dan Penggunaan Maklumat (1994-95), Unit Pembangunan Perpustakaan (1995-96) dan Penyelaras Unit Koleksi Khas (1996-2002).



Nor Zaidah dilantik memangku jawatan Pustakawan gred S2 pada 1998 dan menjalankan tugas sebagai Ketua Jabatan Pengurusan Sumber Maklumat sehingga 2001. Pada 2002 beliau diamanahkan mengetuai Bahagian Koleksi Khas. Dengan pengalaman dan kepakaran yang dimiliki beliau dinaikkan pangkat sebagai Pustakawan gred S48 pada 2003. Serentak dengan itu beliau menerajui Bahagian Sirkulasi dan Promosi sehinggalah bersara.

Tempoh selama tiga dekad bersama perpustakaan menyebabkan beliau merasakan satu kehilangan besar dalam hidupnya sebaik sahaja bersara pada April baru-baru ini.

“Saya merasakan ‘sesuatu’ telah hilang dalam kehidupan seharian saya. Untuk mengubah dan menerima hakikat saya sudah tidak bekerja sangat sukar kerana kita pernah melalui satu kehidupan yang aktif tiba-tiba kena berada di rumah,” kata Nor Zaidah semasa dihubungi baru-baru ini.

Pada masa sekarang beliau sepenuh masa melakukan kerja-kerja amal dan menjalankan kelas agama seperti pengajian tajwid.



### PROFIL:

**Nama:** Nor Zaidah Mohd Hashim

**Tarikh Lahir:** 13 April 1950

**Asal:** Negeri Sembilan

**Kelulusan:** Sarjana Muda Sastera, UM dan Diploma Ijazah Lanjutan Sains Perpustakaan, ITM

**Hobi:** Membaca buku, melakukan kerja amal

**Makanan kegemaran:** Acar buah

dari m/s 3

### Perpustakaan Sultan Abdul Samad **TERUS UNGGUL** di usia 75 tahun UPM

Selain itu, PSAS turut membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk melanggan jurnal bercetak. Dianggarkan kira-kira RM 3.5 juta telah dibelanjakan pada tahun 2005 untuk melanggan jurnal-jurnal bercetak dalam pelbagai bidang.

Manakala pembelian buku-buku baru dan bahan media yang lain mencatat perbelanjaan kira-kira RM 3 juta. Setakat hari ini, PSAS mempunyai koleksi buku dan bahan bercetak berjumlah kira-kira 500,000 naskhah.

Koleksi ini ditempatkan di Perpustakaan Perubatan, Perpustakaan Veterinar, Perpustakaan Kampus Bintulu, dan paling besar di perpustakaan utama yang berkeluasan 17,652 meter persegi.

PSAS juga dilengkapi dengan kemudahan mengakses internet tanpa wayar, mesin pinjaman buku layan diri dan para pengguna juga disediakan saluran maklumat semasa menerusi siaran sumber berita yang dilanggan daripada Astro. Saluran berita ini boleh ditonton pengguna pada waktu perpustakaan dibuka.

Dari aspek pencapaian, PSAS telah berjaya mengharumkan nama universiti melalui beberapa siri kejayaan yang dicapai. Pada 2005, PSAS telah diumumkan sebagai pemenang tempat ketiga ‘Malaysia Library Website Competition’. Anugerah yang dianjurkan oleh Penerbit Elsevier Science ini boleh dibanggakan oleh seluruh warga UPM.

PSAS juga pernah menerima Anugerah **Top Science Direct Usage in Malaysia** pada 2003, 2004 dan 2005. Paling membanggakan khususnya warga PSAS ialah apabila diiktiraf menerima pensijilan MS ISO 9001:2000 pada September 2005.

Kejayaan terbaru yang diperolehi khususnya kepada kakitangan PSAS sendiri apabila Salmah Abdullah mendapat pengiktirafan peringkat kebangsaan melalui Anugerah Pustakawan Harapan 2005.

Beberapa siri kejayaan dan pencapaian tersebut bukan bermakna seluruh warga PSAS perlu berada di tahap yang selesa pada hari ini. Menjadi tanggungjawab seluruh warga PSAS agar berusaha untuk mengekal dan mencipta beberapa lagi kejayaan di masa akan datang.